

PELAJAR UniSZA menderma darah.



SEKITAR program derma darah.

# Derma darah selepas Tarawih



PERIKSA tekanan darah terlebih dulu.

**Umat** Islam digalakkan untuk banyak melakukan amal kebajikan kepada golongan yang tidak bernasib baik terutama pada bulan Ramadan.

Selain mendapat banyak ganjaran, amalan itu juga dapat membantu golongan yang memerlukan.

Justeru, bagi mengimarahkan bulan mulia ini, Pusat Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) tampil dengan inisiatif menarik mengadakan program derma darah sempena Program Terapi Ramadan.

Program yang berlangsung di Masjid UniSZA itu mendapat sambutan hangat dengan lebih 50 pelajar dan masyarakat setempat hadir mengambil bahagian.

Menurut Pengarah Pusat Islam UniSZA Dr Mohd Shafiee Hamzah, program yang diadakan setiap tahun itu bertujuan untuk menggalakkan orang ramai menderma darah pada bulan Ramadan.

Program dengan kerjasama Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) itu turut diadakan untuk membantu meningkatkan jumlah tabung darah di hospital berkenaan dalam membantu golongan yang memerlukan.

Ia dijalankan selepas solat Tarawih dan berakhir jam 1 pagi.

"Selain program derma darah, kami turut mengadakan pelbagai aktiviti sepanjang Ramadan ini bersama komuniti luar antaranya majlis berbuka puasa, bersahur dan qiamulail.

"Dengan adanya program seperti ini, semoga ia mengeratkan persaudaraan dan silaturahim antara warga UniSZA dan masyarakat setempat," katanya.

HARIAN METRO 14/07/14